



Queen's
Students'
Union

Helo dan selamat datang ke
Queen's Students' Union atau
Kesatuan Para Pelajar Queen.

Helo dan selamat datang ke Queen's Students'

Union atau Kesatuan Para Pelajar Queen.

Nilai Kesatuan Pelajar Queen

Demokrasi dan
kebertanggungjawaban

Kepelbagaian dan ketermasukan
(inclusivity)

Kualiti dan nilai



Kesatuan ini dikendalikan oleh pelajar untuk pelajar dan setiap sen yang anda belanjakan di mana-mana kedai, bar atau hiburan kami akan disalurkan kembali ke dalam usaha untuk menyediakan khidmat nasihat dan perwakilan, pengendalian kempen dan penambahbaikan bangunan kita. Di samping usaha komersil dan sokongan yang kami berikan, Kesatuan ini juga merupakan tempat untuk anda gunakan sebagaimana yang anda rasakan sesuai, sama ada dengan menyertai 150 kelab dan persatuan kami, berehat di tempat santai 'The Space', atau mempertingkatkan nilai anda sebagai calon pekerjaan dengan Enterprise SU. Para pegawai pelajar kami juga berada di sini untuk mewakili anda dalam pelbagai bidang, dari Pendidikan hinggalah ke Kebajikan dan dari Berkempen hinggalah ke perhubungan dengan komuniti setempat kita di Belfast Selatan. Presiden dan enam Naib Presiden yang dilantik, sentiasa bersedia untuk menawarkan sokongan dan nasihat kepada setiap pelajar Queen, jadi jangan teragak-agak untuk menghubungi dan berbual dengan mereka di tingkat dua bangunan Kesatuan Pelajar ini.

Kesatuan Pelajar Queen wujud untuk

- # mempromosi kepentingan para ahlinya dengan mewakili mereka di Universiti dan seterusnya
- # menyediakan khidmat nasihat yang tidak berat sebelah kepada para ahli
- # mengurus dan membangunkan penyediaan khidmat yang memberi tumpuan pada pelajar, menawarkan keperluan pada harga yang berpatutan kepada populasi pelajar yang pelbagai

Kesatuan Para Pelajar Queen Berwawasan untuk mewujudkan

- # persekitaran pembelajaran yang dinamik di mana para pelajar boleh mengembangkan semua aspek kehidupan mereka
- # pengalaman pelajar yang berkualiti dengan standard yang sentiasa meningkat bagi setiap pelajar
- # Perkhidmatan komersil yang bermutu tinggi dan memberi tumpuan kepada ahli demi menyokong pengalaman pelajar

Kesatuan Pelajar ini menawarkan khidmat berikut

- # Pusat Khidmat Kesatuan Pelajar, yang terletak di tingkat dua
- # Perwakilan pelajar
- # Maklumat mengenai kelab dan persatuan
- # Kedai Kesatuan Pelajar
- # Bank Santander
- # Restoran dan kedai kopi Relish
- # Kedai kopi Clements
- # Farmasi Medicare
- # Kedai buku terpakai
- # Hiburan termasuk pertunjukan live, malam kelab, malam komedi dan disko bertema.
- # Pembangunan kemahiran keusahawanan (Enterprise SU yang terletak di tingkat dua)
- # Bilik snuker
- # Pekerjaan separuh masa di bar, kedai, hiburan, promosi dan pembantu am.

